

22/05/1997

Kajian EIA lebuhraya guna alatan canggih

TEMERLOH, Rabu - Kementerian Kerja Raya akan memulakan kajian Laporan Kesan Terhadap Alam Sekitar (EIA) mengenai projek lebuhraya menghubungkan tiga kawasan tanah tinggi di Banjaran Titiwangsa, dalam seminggu lagi.

Laporan EIA yang dilakukan syarikat perunding utama projek itu dijangka disiapkan dalam tempoh 10 hingga 11 bulan.

Ia akan mengambil kira kesan keseluruhan projek berkenaan terhadap alam sekitar, terutama di kawasan berdekatan.

Helikopter dan penggunaan alatan canggih akan digunakan bagi menjalankan kajian itu bagi menetapkan laluan sebenar yang boleh dijadikan lebuhraya itu.

Menteri Kerja Raya, Datuk Seri S Samy Vellu, berkata apabila siap kelak, laporan EIA itu akan dihantar kepada Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar untuk diteliti dan diluluskan.

Beliau berkata, kementerian akan memulakan kerja pembinaan lebuhraya menghubungkan kawasan peranginan Genting Highlands-Bukit Fraser dan Cameron Highlands, selepas Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar berpuas hati terhadap laporan EIA berkenaan.

"Setakat ini, kita sedang menjalankan persiapan dan kerja asas bagi membolehkan laporan EIA dilakukan dalam tempoh seminggu lagi.

"Disebabkan kawasan yang terbabit bagi pembinaan lebuhraya itu adalah tanah tinggi, maka kita perlu menyewa helikopter dan peralatan moden untuk digunakan bagi mengukur dan mengkaji kesesuaian kawasan berkenaan," katanya selepas merasmikan Kursus Kepimpinan Wanita MIC Pahang, di sini, hari ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pada Februari lalu mendedahkan ada pihak mahu menggagalkan usaha menyiapkan laporan EIA projek pembinaan lebuhraya di Banjaran Titiwangsa itu kerana mereka berharap projek itu dapat dilewatkan, sekali gus menyebabkan kosnya meningkat.

Perdana Menteri berkata, jika kos meningkat, mungkin projek itu menjadi tidak ekonomik dan wajar dibatalkan.

Kos keseluruhan projek itu dianggarkan lebih RM1 bilion dan kajian teknikal pembinaan lebuhraya 258 kilometer itu membabitkan perbelanjaan kira-kira RM10 juta.

(END)